

PDPA Registration Status

PUBLIC REDACTED EVIDENCE COPY

Operator: You & Ota Partners Solutions

SSM: 202603060217 (RA0133223-M)

Product: LessAdmin Operations Cloud

Statutory declaration affirmed: 21 August 2026, Petaling Jaya, Selangor

Documented current registration position

Based on the operator's current business activities and licence status, and the written response issued by JPDP on 17 August 2026, mandatory Data Controller registration does not currently apply. This does not remove obligations under Malaysia's Act 709.

What this document demonstrates

- An official written response from the JPDP Registration Management Section.
- A statutory declaration made by the owner on behalf of the registered business.
- A commitment to applicable privacy, security, DPO and breach-notification duties.

What this document does not claim

- It is not a PDPA certificate, government approval, ISO certification or security guarantee.
- It does not certify that every operational control is effective at all times.

Publication redactions

Personal identifiers, residential address, personal email, handwritten signature and the SSM QR code have been permanently removed from this public copy. The unredacted master is retained under controlled access and may be reviewed for legitimate due diligence where appropriate.



YOU & OTA PARTNERS SOLUTIONS

SSM: 202603060217 (RA0133223-M) | www.yandopartners.com



www.less-admin.com

AKUAN BERKANUN

BAGI PIHAK YOU & OTA PARTNERS SOLUTIONS BERHUBUNG STATUS KEWAJIPAN PENDAFTARAN PENGAWAL DATA DAN KOMITMEN PEMATUHAN AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 [AKTA 709] BAGI PLATFORM LESSADMIN

Saya, PANG YOU EEL No. Kad Pengenalalan [REDACTED] alamat di [REDACTED]

[REDACTED FOR PUBLICATION]

[REDACTED FOR PUBLICATION]

[REDACTED] seorang warganegara Malaysia dan selaku Pemilik kepada [REDACTED]. Pendaftaran SSM 202603060217

(RA0133223-M) ("Entiti"), dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

1. Akuan ini dibuat oleh saya dalam kapasiti tersebut bagi pihak Entiti berhubung platform perisian LessAdmin, yang dikendalikan oleh Entiti melalui www.less-admin.com, manakala maklumat korporat dan perkhidmatan Entiti boleh dirujuk melalui www.yandopartners.com.
2. LessAdmin ialah platform perisian Software-as-a-Service (SaaS) B2B yang menyediakan fungsi pengurusan pentadbiran syarikat, pengguna dan pekerja, kehadiran, pelanggan, pembekal, sebut harga, invois, dokumen, tugas, kelulusan dan operasi perniagaan.
3. Pada 13 Ogos 2026, satu pertanyaan bertulis telah dikemukakan kepada Pejabat Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi (JPDP) bagi mendapatkan penjelasan mengenai kewajipan pendaftaran sebagai Pengawal Data di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709] bagi platform LessAdmin.
4. Pada 17 Ogos 2026, Seksyen Pengurusan Pendaftaran JPDP telah memberikan maklum balas rasmi bertulis melalui e-mel daripada pendaftaran@pdp.gov.my. Salinan lengkap e-mel tersebut dilampirkan dan ditandakan sebagai Lampiran A.
5. Maklum balas JPDP tersebut, antara lain, menjelaskan bahawa kewajipan pendaftaran mandatori sebagai Pengawal Data hanya terpakai kepada tiga belas (13) golongan atau sektor yang ditetapkan, dan bahawa syarikat yang tidak mempunyai lesen atau perakuan yang berkaitan di bawah mana-mana golongan atau sektor tersebut dikecualikan daripada kewajipan pendaftaran mandatori.
6. Setakat tarikh akuan ini, berdasarkan rekod perniagaan Entiti dan semakan sendiri yang berada di bawah kawalan saya, Entiti tidak memegang apa-apa lesen atau perakuan yang berkaitan dengan mana-mana golongan atau sektor yang mewajibkan pendaftaran mandatori sebagai Pengawal Data sebagaimana dirujuk dalam maklum balas JPDP tersebut.

7. Berdasarkan fakta semasa yang dinyatakan di atas dan maklum balas rasmi JPDP tersebut, saya memahami bahawa Entiti pada masa ini tidak tertakluk kepada kewajipan pendaftaran mandatori sebagai Pengawal Data. Akuan ini tidak bermaksud bahawa Entiti berada di luar skop Akta 709, dan tidak boleh ditafsirkan sebagai suatu sijil, kelulusan kerajaan, pengesahan "PDPA Certified", jaminan keselamatan mutlak atau pengesahan bahawa setiap kewajipan undang-undang telah dipenuhi pada setiap masa.
8. Entiti mengakui bahawa pengecualian daripada kewajipan pendaftaran mandatori tidak mengecualikannya daripada tanggungjawab untuk mematuhi Akta 709 setakat yang terpakai, termasuk Tujuh (7) Prinsip Perlindungan Data Peribadi, Standard Perlindungan Data Peribadi, keperluan pelantikan dan pendaftaran Pegawai Perlindungan Data (Data Protection Officer - DPO) sekiranya syarat yang ditetapkan dipenuhi, dan pelaksanaan Pemberitahuan Pelanggaran Data (Data Breach Notification) sekiranya berkenaan.
9. Entiti beriltizam untuk melaksanakan dan mengekalkan langkah organisasi dan teknikal yang munasabah serta berkadar dengan risiko, termasuk peminimuman data, notis privasi, kawalan akses, pengasingan data pelanggan, rekod audit, sandaran dan pemulihan data, pengurusan insiden, pengurusan pembekal, tempoh penyimpanan dan pelupusan data, serta proses semakan dan penambahbaikan berterusan.
10. Status pendaftaran ini akan dinilai semula sekurang-kurangnya sekali setahun dan dengan segera apabila berlaku perubahan material kepada aktiviti perniagaan Entiti, lesen atau perakuan yang dipegang, kaedah pemprosesan data, struktur korporat atau kehendak undang-undang yang terpakai.
11. Akuan ini dibuat untuk tujuan rekod tadbir urus dan pematuhan Entiti, usaha wajar oleh pelanggan, rakan perniagaan atau pihak berkepentingan, dan hendaklah dibaca bersama-sama Lampiran A.

Dan saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar, serta menurut Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya diakui oleh yang tersebut namanya di atas, iaitu PANG YOU FEI, di:

Tempat: PETALING JAYA
Negeri: SELANGOR
Tarikh: 21 AUG 2026

REDACTED FOR PUBLICATION

Tandatangan Deponen

Di hadapan saya

Pesuruhjaya Sumpah
(Tandatangan dan cap rasmi)



Peringatan: Tandatangan hendaklah dibuat hanya di hadapan Pesuruhjaya Sumpah. Sebarang ruang kosong hendaklah dilengkapkan sebelum akuan diikrarkan.

No. 12-2, Jalan PUJ 5/10,
Dataran Sunway, Kota Damansara
47810 Petaling Jaya, Selangor

LAMPIRAN A

MAKLUM BALAS RASMI PEJABAT PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (JPDP) BERTARIKH 17 OGOS 2026

Butiran dokumen

Pengirim: Unit Pendaftaran PDP (PDP) <pendaftaran@pdp.gov.my>
Salinan kepada: Aduan (PDP) <aduan@pdp.gov.my>
Tarikh: 17 Ogos 2026, 10:35 pagi
Perkara: Maklum balas status kewajipan pendaftaran di bawah Akta 709 - LessAdmin

Dokumen pada halaman berikut ialah salinan cetakan e-mel rasmi yang dirujuk dalam Akuan Berkanun PANG YOU FEI yang dibuat bagi pihak YOU & OTA PARTNERS SOLUTIONS berhubung status kewajipan pendaftaran Pengawal Data bagi platform LessAdmin.

RUANG PENANDAAN LAMPIRAN / UNTUK KEGUNAAN PESURUHJAYA SUMPAAH

Ini ialah Lampiran 'A' yang dirujuk dalam Akuan Berkanun PANG YOU FEI yang dibuat di PETALING JAYA, dalam Negeri SELANGOR pada

REDACTED FOR PUBLICATION

21 AUG 2026



No. 12-2, Jalan PJU 5/10,
Dataran Sunway, Kota Damansara
47810 Petaling Jaya, Selangor

Salinan e-mel asal disertakan tanpa pindaan pada halaman berikut.

8/20/26, 11:37 PM

Gmail - Pengesahan mengenai kategori

EKSIBIT / LAMPIRAN ^A

Pang Yo REDACTED FOR PUBLICATION

Pengesahan mengenai kategori

UNIT PENDAFTARAN PDP (PDP) <pendaftaran@pdp.gov.my>

17 August 2026 at 10:35

To: [REDACTED]
Cc: ADUAN (PDP) <aduan@pdp.gov.my>

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera Tuan/Puan,

Perkara: MAKLUM BALAS STATUS KEWAJIPAN PENDAFTARAN DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 [AKTA 709] – LESSADMIN

Dengan segala hormatnya, e-mel pihak Tuan/Puan bertarikh 13 Ogos 2026 berhubung permohonan pengesahan kategori pendaftaran Pengawal Data di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709] bagi platform LessAdmin adalah dirujuk.

2. Pejabat Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi (JPDP) merakamkan penghargaan atas keprihatinan pihak Tuan/Puan dalam memastikan pematuhan terhadap Akta 709. Untuk makluman, kewajipan pendaftaran sebagai Pengawal Data **hanya terpakai kepada 13 golongan/sektor** yang ditetapkan di bawah Perintah Perlindungan Data Peribadi (Golongan Pengawal Data) 2013 [P.U. (A) 336/2013] dan Perintah Perlindungan Data Peribadi (Golongan Pengawal Data) (Pindaan) 2016 [P.U.(A) 326/2016].

3. Sehubungan dengan itu, pihak Tuan/Puan **dipohon untuk membuat semakan sendiri** terhadap senarai 13 golongan/sektor Pengawal Data melalui pautan rasmi berikut:

- a. **Dokumen Pendaftaran JPDP:** <https://www.pdp.gov.my/ppdpv1/dokumen-pendaftaran/>

4. Sekiranya syarikat mempunyai lesen atau perakuan di bawah mana-mana golongan/sektor tersebut, syarikat **diwajibkan untuk berdaftar** sebagai Pengawal Data. Sekiranya syarikat tidak mempunyai lesen atau perakuan yang berkaitan, syarikat **dikecualikan daripada kewajipan pendaftaran mandatori**.

5. Walau bagaimanapun, pengecualian daripada kewajipan pendaftaran **tidak mengecualikan organisasi daripada tanggungjawab untuk mematuhi Akta 709**. Mana-mana entiti yang memproses data peribadi dalam urus niaga komersial hendaklah memastikan pematuhan terhadap perkara berikut:

- a. Tujuh (7) Prinsip Perlindungan Data Peribadi;
 - b. Standard Perlindungan Data Peribadi;
 - c. Pelantikan dan pendaftaran **Pegawai Perlindungan Data (Data Protection Officer – DPO)**, sekiranya memenuhi syarat yang ditetapkan; dan
 - d. Pelaksanaan **Pemberitahuan Pelanggaran Data (Data Breach Notification)**, sekiranya berkenaan.
6. Sekiranya pihak Tuan/Puan mempunyai sebarang pertanyaan lanjut, sila balas e-mel ini atau hubungi pihak kami melalui saluran berikut:

- a. **Pusat Panggilan JPDP:** 03-7456 3888 (panggilan telefon dan WhatsApp)

Perhatian dan kerjasama pihak Tuan/Puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

SEKSYEN PENGURUSAN PENDAFTARAN JPDP

Pejabat Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi

Kementerian Digital

b.p. Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi

[Quoted text hidden]

Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi merupakan pihak berkuasa yang mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial di Malaysia melalui Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709].

Pesuruhjaya mempunyai kuasa untuk melaksanakan segala peruntukan di bawah Akta 709, termasuk menjalankan siasatan terhadap aduan penyalahgunaan dan ketirisan data peribadi dan mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap kesalahan yang dilakukan.

Untuk maklumat lanjut, sila lawati laman web Pejabat PPDP di <https://www.pdp.gov.my>

[Quoted text hidden]



BORANG D (KAEDAH 13)

**PERAKUAN PENDAFTARAN
AKTA PENDAFTARAN PERNIAGAAN 1956**

Dengan ini diperakui bahawa perniagaan yang dijalankan dengan nama

YOU & OTA PARTNERS SOLUTIONS

NO. PENDAFTARAN: 202603060217 (RA0133223-M)

telah didaftarkan dari hari ini sehingga 1 MAC 2027 di bawah Akta Pendaftaran
Perniagaan 1956, beralam

REDACTED FOR PUBLICATION

REDACTED FOR PUBLICATION

SELANGOR

Bil. Cawangan: TIADA

Bertarikh di **SISTEM EZBIZ** pada **2 MAC 2026**.

DATUK NOR AZIMAH ABDUL AZIZ

Pendaftar Perniagaan
Semenanjung Malaysia